

**TALKING POINT****DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL****NAIB CANSELOR****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS****SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI****7 MAC 2018****DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti**

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Di samping mendengar perkongsian maklumat terkini berkaitan universiti, kita juga dapat menyihatkan badan melalui aktiviti senamrobik yang dijalankan.

2. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang sanggup memberikan komitmen pada pagi yang indah ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri saudara saudari.

## **INFO PSIKOLOGI**

### **TIPS SERONOK BEKERJA**

3. Pada minggu ini saya ingin berkongsi beberapa tips yang telah disediakan oleh Pusat Kaunseling kita bertajuk **TIPS SERONOK BEKERJA**.
4. Pernahkah anda berasa terlalu bosan atau jemu dengan kerja yang anda lakukan setiap hari? Pernahkah anda berasa terbeban dengan tugas yang diberikan oleh ketua anda? Jika anda merasai perasaan tersebut, ayuh cuba semak diri anda adakah anda seronok dengan kerja anda? Dato' Dr. Hj Mohd Fadzilah Kamsah menyebutkan bahawa “setiap orang akan mencapai kejayaan dalam hal apa saja bidang asalkan ia menyukai pekerjaan yang dilakukannya”. Untuk menjadi pekerja yang cemerlang, kita perlulah seronok dengan kerja kita. Justeru, berikut disenaraikan beberapa tips yang boleh diamalkan agar kita semua sentiasa seronok bekerja.

#### **1) Niat yang ikhlas**

Niat kita adalah mindset kita. Apa yang kita tetapkan dalam minda kita akan menentukan tindakan yang akan kita ambil. Niat yang positif memandu diri kita menjadi positif. Justeru, cuba semak niat kita hari ini. Apakah tujuan sebenar kita bekerja? Adakah hanya untuk mendapatkan gaji semata-mata?, atau ada cita-cita dalam kerjaya yang ingin kita capai? Tepuk dada tanya diri kita.

## **2) Sentiasa memberikan senyuman**

Sentiasa mulakan hari anda dengan memberikan senyuman kepada semua orang yang kita temui. Dengan senyuman kita mampu mewujudkan suasana yang ceria serta dapat menyebarkan aura yang positif kepada orang lain.

## **3) Buang masalah Peribadi**

Sekiranya terdapat masalah peribadi yang sedang kita hadapi, seelok-eloknya ia diketepikan terlebih dahulu. Usah biarkan masalah tersebut mempengaruhi “mood” kita untuk menjalankan tugas dengan baik.

## **4) Sediakan tempat kerja kemas dan ceria**

Pastikan meja kita sentiasa kemas, dihiaskan dengan bunga-bungaan yang mendamaikan, letakkan wangian yang menyegarkan. Ruang kerja yang bersih dan segar dapat memberikan ketenangan dalam melakukan tugas sehari-hari. Anggap pejabat seperti rumah kedua kita yang perlu dijaga dengan rapi.

## **5) Menghormati semua orang**

Hormati semua orang ditempat kerja kita tanpa mengira siapa mereka dan apa tugas mereka. Sentiasa beramah mesra dengan mereka, bertegur sapa, bertanya khabar. Kemesraan yang dijalankan dapat meningkatkan keharmonian ditempat kerja. Elakkan konflik dengan rakan-rakan ditempat kerja sebaliknya sentiasa berlapang dada jika timbul perselisihan faham.

## **6) Tanamkan keinginan untuk sentiasa belajar**

Sentiasa bersedia menerima tunjuk ajar dari rakan-rakan yang lebih berpengalaman. Usah malu untuk bertanya sekiranya ada perkara yang kita tidak ketahui.

### **7) Berikan ganjaran kepada diri sendiri**

Reward diri anda atas apa jua peningkatan yang anda lakukan. Tidak perlu tunggu bos atau rakan sekerja memberi pujian, cukuplah anda seorang yang tahu.

5. Semoga tips-tips diatas dapat kita amalkan agar kita sentiasa seronok dalam melakukan tugas kita dan sama-sama dapat meningkatkan pencapaian organisasi kita.

### **PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

Warga UniMAP yang saya kasihi

### **UCAPAN TAHNIAH**

6. Tahniah diucapkan kepada PPK Bahan, PPK Alam Sekitar dan PPK Bioproses yang bertungkus-lumus bagi memastikan Makmal Pengujian (Testing Laboratory) UniMAP mendapat pengiktirafan daripada SAMM. Alhamdulillah makmal ini telah pensijilan MS ISO/IEC 17025:2005 (SAMM) bagi tempoh 3 tahun bermula 22 Februari 2018 hingga 22 Februari 2021.
7. Tahniah juga diucapkan kepada warga UniMAP terutamanya Jabatan Perpustakaan kerana UniMAP kini berada dikalangan TOP 450 University in the world for Engineering and Technology di mana pengiktirafan tersebut telah diberikan oleh *QS World University Rankings by Subject* edisi 2018 yang diumumkan pada 1 Mac 2018. Tahun lalu UniMAP telah diiktiraf pada kedudukan 500 terbaik dunia. *QS World University Rankings by Subject* dinilai berdasarkan empat (4) indikator iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah sitasi berbanding penerbitan dan h-index institusi.
8. Tidak ketinggalan tahniah diucapkan kepada Pusat Pengajian Diploma kerana hasil kerjasama PPD dengan Sekolah Kebangsaan Felda Laka Selatan dalam beberapa pertandingan inovasi 2017, ia telah menaikkan status sekolah

berkenaan apabila dinobatkan sebagai Sekolah Terbaik Inovasi Felda Malaysia. Tahniah diucapkan.

9. Tidak dilupakan, ucapan tahniah kepada tiga pensyarah kita iaitu Prof. Dr. Uda Hashim (326 penerbitan); Prof. Madya Dr. Mohd Mustafa Al Bakri (217 penerbitan); dan Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin (173 penerbitan) kerana tersenarai dalam Top 10 Authors bagi Bilangan Penerbitan dalam Kejuruteraan.
10. Berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam mengharumkan nama UniMAP. Tahniah dan syabas diucapkan.

## **PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG**

### **SYARAHAN INDUSTRI**

11. Oh ya, sebelum terlupa saya dimaklumkan bahawa Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan akan menganjurkan Syaran Industri oleh **PRESIDENT & GROUP CEO UMW Holdings Berhad** iaitu Encik Badrul Feisal Abdul Rahim, President & Group CEO UMW Holdings Berhad pada:-

**Tarikh : 13 Mac 2018 (Selasa)**

**Masa : 9.30 pagi**

**Tempat: Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra,  
Kampus Pauh Putra**

12. Kepada yang berkelapangan, semua adalah dijemput hadir bagi memeriahkan syaran ini.

## **PENUTUP**

13. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudah dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.